

ahan asal dari Arkit

Negara Malaysia

PM enggan temui

pemimpin PPP

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad enggan menemui pemimpin-pemimpin Parti Progresif Rakyat (PPP) sehingga mereka menyelesaikan perbalahan mengenai pucuk pimpinan parti itu sekarang, demikian menurut sumber-sumber hari ini.

Adalah difahamkan, sebab Perdana Menteri berbuat demikian kerana beliau tidak mahu terlibat dalam krisis pucuk pimpinan parti itu.

"Perdana Menteri berharap pemimpin PPP boleh menyelesaikan masalah mereka sebelum memulanya," kata sumber-sumber itu lagi.

Sebuah akhbar tempatan melaporkan semalam, Presiden PPP yang 'baru dipilih', Encik Paramjit Singh, sebagai berkata parti itu menulis meminta diadakan pertemuan dengan Datuk Seri Dr. Mahathir bagi memberi taklimat kepada beliau mengenai perkembangan terbaru dalam parti itu. — Bernama.